

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans Kemalangan Diri 'Perfect 10'

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Kemalangan Diri 'Perfect 10'. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah produk ini?

Polisi ini melindungi anda terhadap kematian atau hilang upaya disebabkan oleh kejadian malang yang tidak disengajakan, keganasan, secara luaran dan ketara. Polisi ini diperluaskan untuk melindungi perlindungan liabiliti diri sehingga RM100,000.00 dan perlindungan keganasan (tidak termasuk senjata nuklear, kimia atau biologi pemusnah besar-besaran).

Kelayakan:

Warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap Malaysia, Pemegang Permit Kerja di Malaysia dan/atau suami/isteri yang sah dan/atau anaknya yang menetap secara sah di Malaysia.

Had Umur untuk:

- Pihak Diinsuranskan atau suami/isterinya mestilah berumur 16 tahun hingga 65 tahun.
- Anak Pihak Diinsuranskan yang belum berkahwin (termasuk anak angkat yang sah) yang sepenuhnya bergantung kepada anda untuk sokongan kewangan adalah 30 hari hingga 18 tahun atau sehingga 23 tahun jika masih menuntut sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf.
- Kanak-kanak di bawah umur 18 tahun adalah layak sehingga Pelan 2 dan kanak-kanak berumur 18 tahun atau sehingga 23 tahun adalah layak sehingga Pelan 3 sahaja.

2. Apakah perlindungan/faedah yang diberikan?

Sila rujuk kepada Jadual Faedah dalam risalah produk dan Polisi.

Tempoh perlindungan lazimnya adalah selama setahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan anda setiap tahun melainkan anda telah mendaftar arahan pembayaran pembaharuan automatik untuk pembaharuan secara automatik, tertakluk kepada terma dan syarat.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang anda perlu bayar berbeza bergantung kepada pelan yang dipilih dan pekerjaan anda. Anda boleh merujuk kepada risalah untuk maklumat terperinci.

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Yuran dan bayaran yang anda perlu bayar ialah:

Jenis	Jumlah
Cukai perkhidmatan	6% daripada premium
Duti setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan pengantara	25% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- (i) Kepentingan membuat Pendedahan – MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadi kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- (ii) Tiada faedah akan dibayar di bawah:
 - Faedah D (Pendapatan Hospital) kecuali setiap kemasukan hospital sekurang-kurangnya lapan (8) jam.
 - Faedah F (Perbelanjaan Penghantaran Pulang) kecuali kematian diakibatkan oleh kemalangan berlaku di luar Malaysia dan melalui tuntutan yang sah di bawah Faedah A (Kematian Akibat Kemalangan).
 - Faedah G (Pembedahan Pembetulan Gigi dan Kosmetik) kecuali pembedahan di buat dalam tempoh enam (6) kalendar bulan daripada tarikh kemalangan.
- (iii) Had Wilayah untuk Seksyen II – Perlindungan Liabiliti Diri: Meliputi seluruh dunia kecuali Amerika Syarikat dan Kanada.
- (iv) Apabila berlaku sebarang kemalangan yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, anda mestilah memaklumkan kepada Syarikat berserta dengan butiran lengkap kemalangan/kecederaan dalam tempoh 14 hari selepas kemalangan.
- (v) Pihak Diinsuranskan yang berumur 16 tahun dan ke atas tetapi di bawah umur 18 tahun mesti mendapatkan kebenaran ibu bapa/penjaga sebelum membeli Polisi insurans ini.

6. Apakah pengecualian utama di dalam Polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Bunuh diri (sama ada dengan jenayah serius atau tidak) atau sebarang percubaan sepertinya atau kecederaan diri sendiri, hamil atau melahirkan anak, penyakit kelamin atau tidak siuman, kesan atau pengaruh (sementara atau sebaliknya) alkohol atau dadah bukan preskripsi pengamal perubatan berkelayakan dan berdaftar, melakukan atau cuba melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang;
- Terbang atau menaiki pesawat selain daripada sebagai penumpang yang membayar tiket dengan syarikat penerbangan berdaftar di laluan domestik atau antarabangsa yang berjadual;

AmGeneral Insurance Berhad (44191-P)

Ahli Kumpulan AmBank

Menara Shell, No. 211, Jalan Tun Sambanthan, 50470, Kuala Lumpur, Malaysia. Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 W.P. Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 1-800-88-6333 Emel: customer@kurnia.com Laman Web: www.kurnia.com

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

- Kecacatan fizikal atau mental atau uzur, sebarang jenis sawan, sebarang bentuk sakit, penyakit, virus, jangkitan atau parasit yang sedia ada;
- Terlibat dengan luncur air, aktiviti bawah air melibatkan penggunaan alat bantuan pernafasan (kecuali menyelam skuba), mendaki gunung yang memerlukan penggunaan tali atau jurupandu, payung terjun, terjun lelabah, luncur udara, terjun udara, sukan atau permainan profesional, seni mempertahankan diri, menunggang kuda, tinju atau gusti, sebarang jenis perlumbaan selain menggunakan kaki atau menggunakan mesin kerja kayu yang digerakkan oleh kuasa mekanikal;
- Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kerumitan Berkaitan AIDS (ARC) tidak kira bagaimana sindrom ini diperolehi atau dipanggil.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak Polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terkandung di bawah Polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan Polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?

Anda boleh membatalkan Polisi dengan memberi 7 hari notis bertulis kepada syarikat insurans. Selepas pembatalan, anda berhak mendapat bayaran balik premium mengikut kadar jangka pendek Syarikat. Pembatalan Polisi oleh Pihak Diinsuranskan atau Syarikat tidak melibatkan pemulangan premium dalam keadaan seperti di bawah:

- Polisi ini dibayar secara bulanan, atau
- Jika jumlah yang patut dibayar kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10), atau
- Dalam keadaan di mana keseluruhan jumlah 100% premium dikenakan pada kadar jangka pendek, atau
- Tuntutan telah dibuat dalam tempoh masa insurans.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada risalah *insuranceinfo* mengenai 'Insurans Kemalangan Diri', yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah salinan daripada ejen insurans atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmGeneral Insurance Berhad

Menara Shell,
No. 211, Jalan Tun Sambanthan,
50470, Kuala Lumpur, Malaysia.
Talian Bebas : 1-800-88-6333
E-mel : customer@kurnia.com
Laman Web : www.kurnia.com

10. Lain-lain jenis Perlindungan Insurans Serupa yang Ada

PA Supreme

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN KEPADA SKALA FAEDAH UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 1 Disember 2019.